

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8 (40)

Tarikh : 26 Julai 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab
Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT PERINGATAN BIL 6/2021: BILANGAN EFT DITOLAK / CEK TERBATAL
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 30 JUN 2021 YANG BELUM DIGANTI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengeluarkan **SPANM BIL. 7/2018** bertarikh 24 Oktober 2018 bagi memperkemaskan lagi Tatacara Pengurusan Bayaran.

3. Mulai Januari 2018, EFT dan cek batal perlu diganti oleh pihak PTJ dengan merujuk kepada **perihal 2.2 dan 3.1.1(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab** seperti pada Lampiran F, SPANM Bil. 7/2018. Maklumat penolakan Cek/EFT perlu dijana secara harian dengan menjana Laporan Cek/EFT Batal belum Diganti melalui portal iGFMAS.

4. Makluman dan perincian tatacara kunci masuk bayaran balik EFT boleh diakses pada arkib berita Portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak dengan merujuk kepada tajuk-tajuk seperti dibawah:-

- i. Garis Panduan Tatacara Pengurusan EFT Ditolak / Cek Terbatal
- ii. Tatacara Kunci Masuk Bayaran Balik EFT Ditolak
- iii. Maklumat Tambahan : Tatacara Kunci Masuk Bayaran Balik EFT Ditolak

5. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk memastikan pegawai-pegawai di PTJ masing-masing membuat penggantian segera dalam usaha mengurangkan bilangan EFT Terbatal. Sila abaikan notis ini jika tindakan penggantian/ pelarasan EFT Ditolak/ Cek Terbatal telah diambil.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai-pegawai di Unit Akaun seperti berikut :

- i. Encik Mohd Shahrezza Bin Hassim 0111-1494630
- ii. Unit Khidmat Nasihat 019-3197189

7. Dilampirkan bersama senarai bilangan EFT Ditolak / Cek Terbatal mengikut PTJ untuk rujukan dan tindakan seterusnya. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

UNIT AKAUN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI PERAK